




Tarikh Lahir (AB-CD-EF-GH)



Misteri Tarikh Kelahiran

Mengenal dan Memahami Kekuatan, Kelemahan dan Potensi
Diri Anda Sekeluarga Untuk Membantu Melakarkan Pelan
Tindakan Sebuah Kehidupan Yang Cemerlang.

Kandungan

Warkah Dari Penulis

Pembuka Bicara

Hakcipta

Penafian

Peringatan

Teori Phytagoras

Kaedah Asas Pengiraan

Elemen Sokongan

Elemen Kawalan

Mari Mengira

Latihan #1 – Mengira

Huraian Kod Asas

Latihan #2 - Huraian Menyeluruh Peribadi Anda & Keluarga

Apa Yang Perlu Anda Buat Sekarang?

Ringkasan Sekali Lagi

Penutup

Bibliografi

WARDAH DARI PENULIS

Assalamualaikum wbt dan salam hormat dari saya.

Tahniah kerana anda telah mengambil langkah pertama untuk mengubah diri anda ke arah mencapai satu kehidupan yang penuh dengan kejayaan dan kekayaan. Manfaatkan lah dengan sepenuhnya buku ini dalam merencanakan kehidupan kita semua. Insyaallah, dengan pertolongan Allah swt kita akan Berjaya di dunia dan akhirat.

Walau apapun keadaan kehidupan anda sekarang, Jangan risau. Jangan sedih. Jangan kecewa. Hidup kena diteruskan. Perjuangan masih belum selesai.

Memang pada satu tahap dalam kehidupan, kita tidak puas dengan apa yang kita ada. Bukan bermakna kita tidak bersyukur atas apa yang kita miliki. Tetapi, kita ingin mendapatkan yang terbaik untuk kehidupan kita, samada ingin kaya, menambahkan kekayaan, kerjaya yang baik, Berjaya dalam pelajaran ataupun mempunyai kesihatan yang terbaik.

Anda mungkin tidak bersetuju dengan analisa-analisa karektor yang akan saya berikan nanti. Anda mungkin kata tak adalah, tak betullah, dan lain-lain lagi. Itu semua terpulanglah pada anda. Anda tidak dipaksa untuk percaya. Tetapi, secara 'average'nya, ketepatan huraian yang diberikan adalah antara 80% ke 95%. Ada yang kata 98%.

Usah malu nak memulakan sesuatu, walaupun sudah berumur. Kaedah yang digunakan ini patut diketahui oleh semua orang, tak kira umur, agama, bangsa, kaya, miskin, susah, senang, yang bekerja ataupun yang masih belajar.

Sekian. Terimakasih.

PEMBUKA BICARA

Adalah suatu penipuan yang besar jika anda menafikan keinginan anda untuk berjaya seperti rakan anda yang lain. Mungkin tanpa disedari, anda telah ketinggalan jauh dari matlamat hidup, sehinggalah anda tidak dapat membezakan kejayaan dan kegagalan. Adakah kata-kata ini keterlaluan ataupun memang anda berada di dimensi yang meragukan? Mungkin kah anda mengalami kemusykilan yang segan untuk di dedahkan kepada sesiapa? Pernahkah anda berfikir dan menyoal diri anda dengan soalan-soalan berikut:

- Saya ingin mengenali dan memahami diri dan keluarga, tetapi macam mana?
- Apakah kekuatan dan kelemahan saya yang sebenarnya?
- Keluarga saya miskin, adakah peluang untuk saya ke universiti?
- Adakah saya ditakdirkan miskin dan hidup susah?
- Saya mahu jadi KAYA, bagaimana caranya?
- Macam mana nak tahu perniagaan yang SESUAI dengan saya?
- Macam-macam cara sudah dilakukan, tetapi hasilnya masih ZERO?
- Bagi pelajar, apakah kursus yang sesuai dengan peribadi saya ?
- Bagi ibubapa yang pening kepala dengan perangai anak-anak pula selalu tertanya apahal perangai anak ini sebegini dan sebegini ?
- Ahhh! Bosanlah asyik-asyik jadi begini ?
- Apahal pulak boss asyik memuji minah atau mamat tu ? Takde orang lain ke ?
- Sesuai ke mamat ni jadi menantu aku?

Anda mungkin merasakan tiada satu pun persoalan di atas pernah muncul dalam hidup anda ataupun anda sekadar menafikannya supaya anda mampu meneruskan hidup seharian anda seperti biasa. Atau anda mungkin telah mencapai segala matlamat anda namun masih ada ruang kosong dalam hidup anda yang menjadi tanda tanya.

Atau anda menghadapi situasi berikut:

Situasi # 1

Seorang isteri yang kecewa dengan perangai suami yang pendiam, atau suami yang malas buat kerja rumah, atau suami yang mata keranjang. Adakah beliau akan berterusan kecewa dan melimpahkan air mata setiap hari? Adakah beliau akan membalas dendam? Atau melakukan benda-benda lain yang memudaratkan?

Situasi #2

Seorang pelajar lepasan SPM pening kepala untuk mengambil jurusan apa di universiti. Ibubapa suruh ambil “Kejuruteraan”. Bapa saudara suruh ambil “Undang-Undang”. Diri sendiri nak ambil “Perakaunan”. Jadi macam mana ni?

Situasi #3

Seorang usahawan seringkali gagal dalam perniagaan. Dah buat pelbagai bisnes, tetapi asyik gagal. Mulalah pening kepala memikirkan apa nak jadi. Nak bagi keluarga makan apa? Anak kat universiti asyik mintak bantuan kewangan? Aduh!! Pening kepala.

Situasi #4

Pasangan yang bertunang ni pening kepala sebab asyik bergaduh aje. Lebih-lebih lagi hari pernikahan sudah hampir. Pening memikirkan macam mana nak ambil hati mertua dan ipar duai. Adakah pasangan ini sesuai antara mereka? Tambah pening lagi memikirkan wang simpanan yang masih tak cukup-cukup. Camano ni?

Situasi #5

Pekerja ni asyik tak dapat kenaikan gaji dan pangkat. Orang lain yang baru masuk, senang nak dapat. Apahal bos ni? Tak berlaku adil. Tak faham-faham ke? Tak nampak ke prestasi cemerlang selama ni? Apahal ni?

Teruskan membaca. Anda akan dapat jawapannya sebentar sahaja lagi.

Disamping itu, kita seringkali disuapkan dengan pelbagai buku-buku, workshop-workshop dan seminar-seminar mengenai strategi-strategi, teknik-teknik dan taktik-taktik untuk menjana pendapatan yang lumayan, samada secara online di Internet atau secara off-line.

“ Ada yang berani mengatakan dengan mengikut cara mereka, boleh dapat juta-juta dalam masa setahun di Internet,

“ Ada yang tunjukkan penyata bank yang memberikan angka-angka ratusan ribu RM”,

“ Ada yang menyatakan cara beliau sajarah yang boleh menjadikan pembeli jadi JUTAWAN”,

dan pelbagai cara lagi.

Yang peliknya, ramailah yang sanggup membayar ratusan atau ribuan RM untuk menghadiri workshop atau seminar yang akhirnya tidak memberikan apa-apa keuntungan kepada yang hadir. Dapatlah buku panduan, ebuku, dll. **Tetapi, tidak meng'aktif'kan atau melakukan apa yang diajar.**

Ramai jugalah yang sanggup membayar puluhan dan ratusan RM untuk membeli ebuku-ebuku yang pada dasarnya memiliki teknik-teknik yang sama, tetapi di berikan "tajuk" yang berlainan. Setelah baca ebuku tersebut, masih ramai yang tak faham. Masih ramai yang keliru apakah yang sebenarnya yang ingin disampaikan. Ada yang suka beli aje, tetapi tak buat apa-apa. Bukankah itu satu kerugian.

Tetapi, ada juga yang mengambil tindakan mempraktikkan apa yang diajar dengan harapan akan berjaya seperti yang di war-war kan. Mereka ini pula masih belum berjaya ataupun mengambil masa yang agak lama untuk berjaya. Dimana silap agaknya?

Pada pendapat saya, mereka-mereka ini hanya diberikan pelajaran atau ilmu yang bukannya daripada asas yang betul. Sebab itulah ramai yang tak berjaya.

Jika ini berlaku, kita ke "Balik Semula Kepada Perkara Asal".

Dan jika anda benar-benar faham apa yang dibaca dan dipelajari, sudah tentu anda akan ketemu dengan perkara yang paling "Asas" ini. Apa dia ? Tunggu !!!

Kita lihat pula ke senario yang lain, iaitu ramai orang fokus kepada rahsia minda, rahsia matlamat dan macam-macam rahsia lagi yang terbongkar, untuk mencapai kejayaan dan kekayaan. Tetapi, masih ramai juga yang tak berjaya.

Mengapa ini terjadi ?

Jawapannya adalah perkara paling "Asas" tadi tak dipraktikkan. Sebenarnya, rahsia minda, rahsia matlamat dan rahsia-rahsia yang lain tu bukan yang pertama. Ia hanyalah yang no. 2, 3 dan seterusnya.

Jika kita dapat memahami dan mempraktikkan perkara "Asas" ini, percayalah bahawa rahsia minda, rahsia matlamat dan yang lain-lain tu akan datang dengan sendirinya.

Perkara Asas itu adalah "KUNCI" kekayaan dan kejayaan kita. Ada yang mengatakan jika dapat dikuasai perkara "Asas" ini, 60% dari impian anda akan tercapai. Yang baki 40% itu adalah dari kuasa minda, kuasa matlamat, law of attractions dan usaha-usaha yang anda buat.

Apa sebenarnya perkara "Asas" ini ?

Memahami Rahsia Tarikh Kelahiran adalah perkara "Asas" yang anda perlu tahu sebelum membuat perancangan kehidupan anda.

Rahsia Tarikh Kelahiran juga adalah perkara "Asas" yang patut anda tahu sebelum membayar harga sesuatu workshop sebab ianya akan memberitahu adakah anda sesuai dengan sesuatu perniagaan tersebut.

Rahsia Tarikh Kelahiran juga dapat membantu pelajar-pelajar untuk memahami perniagaan yang sesuai dan seterusnya memohon memasuki program Ijazah yang sesuai dengan tarikh lahir mereka,

Mungkin anda tak sesuai dengan perniagaan Internet, jadi tak perlulah buang duit untuk menghadiri seminar atau membeli e-buku. Tak perlulah anda buang masa, tenaga dan wang ringgit untuk melakukan sesuatu yang memang TIDAK SESUAI dengan anda.

Cuba fokuskan kepada perniagaan yang sememangnya SESUAI dengan anda dan mudah untuk mendapat kekayaan.

Saya tak tahu apa yang anda mahukan dalam kehidupan anda.

Hanya anda saja yang tahu apa yang anda mahukan.

Hanya anda saja yang menetapkan matlamat kehidupan anda.

Gagal atau berjaya adalah keputusan anda, kerana kita bertanggungjawab diatas segala kesusahan dan kesenangan kita. Bukan orang lain, Bukan ayah ibu, Bukan imam kampung kita, Bukan bos kat tempat kerja, Bukan adik-adik kita, Bukan abang-abang kita, bukan kakak-kakak kita, bukan sahabat-handai kita, bukan, bukan, bukan sesiapa juga pun kecuali diri KITA SENDIRI.

Jom, Kita mulakan sekarang. Kita berhijrah hari ini.

HAKCIPTA

E-buku ini terlindung dengan Hak Cipta Terpelihara daripada pihak penulis dan penerbit dibawah Akta Hak Cipta 1987 dan mana-mana undang-undang Harta Intelek yang berkaitan di negara Malaysia.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang atau menyalin mana - mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan e-buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pihak penerbit

E-buku ini terlindung dengan Hak Cipta Terpelihara daripada pihak penulis dan penerbit dibawah Akta Hak Cipta 1987 dan mana-mana undang-undang Harta Intelek yang berkaitan di negara Malaysia.

Dengan kata lain, semua Hakcipta dan Trademark adalah hak pemilik.

PENAFIAN

Buku ini dihasilkan dengan niat untuk membantu dan menyalurkan maklumat berdasarkan pandangan, pengetahuan dan pengalaman penulis didalam meng'aplikasi'kan kaedah metafizik ini. Buku ini diniagakan dengan memahami penulis dan penerbit tidak terlibat dengan khidmat profesional yang terkandung di dalam buku ini. Pengguna perlu mendapatkan khidmat nasihat daripada ahli professional sekiranya perlu.

Buku ini adalah hasil dari bacaan dan rujukan penulis melalui pelbagai buku, bahan-bahan dari seminar yang dihadiri, carian Internet dan pengalaman yang telah dilalui sendiri oleh penulis. Sekiranya terdapat sebarang persamaan dalam teks dan perkataan dengan sebarang buku, buku atau workshop orang lain, ianya adalah secara kebetulan dengan hasrat untuk membuatkan pembaca lebih faham akan apa yang ingin diketengahkan. **Tidak boleh dianggap sebagai meniru atau plagiat.**

Tanggungjawab hak cipta tidak ada kena mengena dengan maklumat yang terkandung di dalam buku ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pihak penerbit dan penulis tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan ataupun maklumat yang tidak lengkap walaupun langkah berjaga - jaga telah diambil.

Pihak penerbit dan penulis juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang maklumat yang disalahgunakan, risiko kerugian, kehilangan liabiliti sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang penggunaan dan aplikasi isi kandungan buku ini.

Tiada jaminan bahawa setiap pengguna akan mendapat manfaat sepenuhnya menerusi isi kandungan yang diberikan ini kerana ia bergantung kepada **usaha, usaha, usaha dan usaha** yang dilaksanakan oleh setiap individu.

PERINGATAN

Kaedah yang digunakan adalah hasil dari kajian yang dilakukan sejak beribu-ribu tahun dahulu. Kaedah ini mengenal pasti corak sesuatu kejadian yang berlaku dan watak seseorang. Bukan hanya kajian keatas beratus manusia, tetapi berbilion manusia. Kaedah ini dinamakan metafizik.

Kaedah yang digunakan ini adalah satu panduan untuk memahami karektor, sifat positif, negatif dan potensi setiap individu bagi membuat strategi dan perancangan peningkatan diri sendiri, keluarga dan rakan taulan. Ianya telah dipermudahkan untuk kita gunakan dalam kehidupan seharian atau karier atau perniagaan kita.

Bukan menilik nasib yang HARAM di sisi Islam, tetapi memahami apakah yang terkandung di dalam ketetapan hidup supaya boleh merangka strategi dan tindakan untuk aktiviti pembetulan, pencegahan, penambahbaikan dan peningkatan kehidupan kita.

Bukan meramal nasib yang juga HARAM, tetapi membantu manusia merangka satu jadual perjalanan hidup yang lebih berkesan, demi mencapai kepuasan dalam kehidupan di dunia dan akhirat.

Saya telah bertanya kepada ahli agama, mereka menyatakan kalau ingin mengetahui dan mengaplikasikan apa yang diketahui, ia dibenarkan. Tetapi, jangan berlaku taksub dan menyandarkan 100 % harapan padanya, tanpa membuat sesuatu. Itu dah masuk dalam kategori haram.

Usaha mesti ada, sesuai dengan firman Allah swt, bermaksud lebih kurang, “Allah tidak akan mengubah keadaan seseorang itu, jika dia tidak berusaha mengubah keadaan diri sendiri”

TEORI PYTHAGORAS

Apa Itu Numerologi?

Ianya adalah satu kajian yang berkaitan dengan nombor dan simbol. Pada asasnya ianya adalah satu kajian tentang misteri yang tersembunyi di sebalik nombor yang boleh memberi maklumat tentang peribadi seseorang, tempat dan sesuatu perkara.

Ianya digunakan untuk menentukan sifat seseorang, kekuatan dan kelebihan dan cabaran yang mesti dilalui. Ianya juga berkaitan dengan keperluan dalaman seseorang, reaksi emosi dan cara seseorang itu berinteraksi dengan orang lain. Kajian yang melibatkan Numerologi telah bermula kira-kira 10,000 tahun yang lampau dan ianya diamalkan di zaman Egypt dan Babylon.

Di zaman Cina purba, melalui kajian buku I Ching terdapat satu penemuan berkaitan dengan corak nombor dalam setiap tahap Qi. Corak nombor ini boleh menggabungkan keharmonian alam.

Teori dan formula kemudiannya dikenalpasti dan di kira. Ini telah menjadi asas kepada cara menilai dan memahami persekitaran.

Kira-kira 2600 tahun dahulu di Greece, Pythagoras iaitu Bapa Matematik menulis yang nombor meletakkan satu had kepada sesuatu, ianya berkaitan dengan alam sekeliling dan semua konsep boleh diluahkan melalui nombor. Beliau menerangkan tentang kualiti dan hubungan setiap 9 nombor.

Beliau adalah bapa kepada Numerologi Moden.

Bagaimana Numerologi Berfungsi

Kesemua yang terdapat di alam semesta bergerak mengikut frekuensi masing-masing. Sekiranya kita dapat tahu tahap pergerakan dan kelajuan setiap objek di alam semesta, kita boleh mengetahui kualiti dan tenaga yang terdapat didalamnya. Dengan mempraktikkan prinsip Numerologi dan menggunakan tarikh kelahiran sebagai data asas, kita boleh menentukan tahap frekuensi bagi setiap orang.

Analisis Numerologi tentang pengiraan frekuensi memberi maklumat tentang sifat dan kelakuan seseorang.

Pengiraan

Mengikut pengiraan asas matematik yang digunakan dalam Numerologi, kesemua nombor dijumlahkan untuk mendapatkan satu angka.

Contoh:

1. 16 ialah $1 + 6 = 7$

2. 1977 ialah $1 + 9 + 7 + 7 = 24$ dan $2 + 4 = 6$

latihan dan pengiraan Numerologi melibatkan penjumlahan nombor kepada satu angka. Kita menggunakan cara Numerologi Greek / Barat TETAPI analisis simboliknya tidak digunakan.

KAEDAH ASAS PENGIRAAN


Penemuan menakjubkan ini dinamakan PYRAMICK, iaitu berkenaan diri seseorang dan persekitaran secara keseluruhan.






Ia adalah kombinasi 4 ideologi dan teori, iaitu;

1. Teori Pythagoras tentang Numerologi
2. Teori Falsafah Cina
3. Penemuan Analisis Simbolik
4. 5 Elemen (Wu Xing) yang terdapat dalam buku I Ching

Dengan tarikh lahir, bulan dan tahun seseorang itu dilahirkan dan dengan penggunaan metodologi pengenalan diri serta menjumlahkan kesemua nombor kepada satu angka (Kaedah Pengiraan Greek) seseorang boleh memperoleh kesemua nombor yang terdapat di dalam gambarajah seperti di bawah. Ini saya panggil piramid nombor.


Tarikh Lahir : 13 April 1943



Elemen	Nombor	Bentuk	Warna
Logam	1, 6		Putih, Emas, Perak
Air	2, 7		Biru Tua, Hitam
Api	3, 8		Merah, Oren, Ungu, Merah Jambu
Kayu	4, 9		Hijau
Tanah	5		Perang, Kuning Air, Kuning

Jadual 1 – Nombor Asas dan Elemen

ELEMEN SOKONGAN




Secara semulajadi, Kayu dibakar untuk menghasilkan Api. Apabila Api telah padam, maka ia akan menghasilkan abu. Setelah abu terkumpul maka ia akan menjadi Tanah. Semakin masa berlalu, tekanan di dalam bumi akan menghasilkan bijih. Dengan terhasilnya bijih, maka kita akan mendapat Logam. Apabila Logam dileburkan maka ia akan cair seperti Air. Apabila kita menyiram Air ke tanaman, maka pokok akan tumbuh. Pokok adalah Kayu.

Sebagai contoh;

Jika anda individu yang mempunyai elemen Logam, maka Tanah adalah sokongan terbaik untuk anda.

ELEMEN KAWALAN



Logam mengawal Kayu. Logam boleh dijadikan kapak. Kapak digunakan untuk membelah dan membentuk Kayu. Kayu mengawal Tanah. Pokok tumbuh daripada Tanah. Akar pokok tertanam jauh di dalam Tanah. Ini bermakna Kayu mengawal Tanah. Tanah mengawal Air. Tanah mengelakkan banjir dengan menyekat aliran Air. Air mengawal Api. Air dapat memadamkan Api. Api mengawal Logam. Api melebur dan membentuk Logam kepada peralatan daripada Logam.

Sebagai contoh; jika anda individu yang mempunyai elemen Logam, maka anda boleh mengawal individu yang mempunyai elemen Kayu.

Jadi bagaimana jika kita ingin memilih pasangan hidup?

Memilih pekerja? Ya! Pilihlah elemen yang boleh kita kawal. AWAS! Jangan terpilih 'Queen Control' ataupun 'King Control'

MARI MENGIRA

Tarikh


A **B**

Bulan

C **D**

Tahun

E **F** **G** **H**




Nota:

O adalah Kod Asas Anda

Jom kita mulakan pengiraan.

Kita ambil contoh tarikh lahir bersamaan 20 Mei 1965:




Kod Asas : **1**

Nota:

Setiap kotak mesti mempunyai 1 digit sahaja.

Jika 20 bermakna kena campur $2+0 = 2$

Contoh lain: 8 April 1988




Kod Asas : **2**

Nota:

Setiap kotak mesti mempunyai 1 digit sahaja.

Jika 20 bermakna kena campur $2+0 = 2$

Contoh lain: 30 Ogos 1990



Kod Asas : **3**

Nota:

Setiap kotak mesti mempunyai 1 digit sahaja.


Jika 20 bermakna kena campur $2+0 = 2$

LATIHAN #1:

MENGIRA

TARIKH LAHIR ISTERI/SUAMI: _____

Hari Bulan Kurun Tahun
□ □ □ □ □ □ □ □



KOD ASAS :

TARIKH LAHIR IBU ANDA: _____

Hari	Bulan	Kurun	Tahun
<input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/>

= =

KOD ASAS :

TARIKH LAHIR BAPA ANDA: _____

Hari	Bulan	Kurun	Tahun
<input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/>

= =

KOD ASAS :

TARIKH LAHIR ANAK PERTAMA: _____

Hari	Bulan	Kurun	Tahun
<input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/>

= =

KOD ASAS :

TARIKH LAHIR ANAK KEDUA: _____

Hari	Bulan	Kurun	Tahun
<input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/>	<input type="text"/> <input type="text"/>

= =

KOD ASAS :

Jom kita tengok huraianya di mukasurat seterusnya.

HURAIAN KOD ASAS

Kod Asas : 1

Kekuatan:

Dilahirkan untuk menjadi seorang pemimpin, memiliki banyak daya tarikan daripada jantina yang berlainan, memiliki kebijaksanaan, mempunyai kuasa analisa yang kuat, yang akan menjadikannya individu berilmu, seorang yang sangat teliti dalam semua perkara, individu yang sangat kreatif dan sangat peka. Sekiranya sikap kreatif dan sikap peka ini digunakan sepenuhnya atau diaktifkan, kekayaan sedang menunggu individu ini.

Kelemahan:

Individu ini selalu mementingkan diri sendiri, tidak mudah menerima kritikan, beliau juga sukar untuk menerima idea atau pandangan dari orang lain. Oleh itu, kebiasaannya individu ini adalah pemimpin ataupun bos-bos. Bekerja sendiri adalah pilihan yang terbaik

Perkara yang perlu dipelajari:

- 1) Sedia menerima idea dan pendapat dari orang lain yang mungkin baik atau lebih baik.
- 2) Berfikirlah secara terbuka.
- 3) Berdiplomasi apabila diperlukan.

Golongan terkenal yang mempunyai nombor 1:

Arsene Wenger (pengurus Arsenal), Acha Septriasa (selebriti Indonesia), Luna Maya (selebriti Indonesia), Tom Hanks (pelakun terkenal Hollywood), Robert Redford (pelakun terkenal Hollywood), Hulk Hogan (bintang gusti professional WWF)

Kod Asas : 2

Kekuatan:

Seorang yang mahir dan mempunyai personaliti yang menarik. Sentiasa tenang dalam apa pun keadaan. Seorang yang peramah dan mementingkan kebersihan. Sangat rajin dan matang dalam pemikiran. Lembut hati dan peka terhadap keperluan orang lain. Biasanya mudah bergaul dengan golongan yang tua daripadanya. Sekiranya diberi tugas, individu ini mempunyai kebolehan untuk melaksanakannya dengan tepat.

Kelemahan:

Individu ini tidak percaya di atas kebolehan diri sendiri, walaupun orang lain percaya pada mereka. Mendengar nasihat yang diberikan, tetapi berkemungkinan tidak mengikutnya. Seorang yang sangat degil. Sentiasa mengutamakan orang lain melebihi kepentingan diri sendiri

Perkara yang perlu dipelajari:

- 1) Percayalah kebolehan diri sendiri.
- 2) Tingkatkan keyakinan diri (self-esteem)
- 3) Utamakan diri sendiri bila keadaan memerlukan anda buat begitu

Golongan terkenal yang mempunyai nombor 2:

Adi Putra (kanak-kanak pintar), Dr Fadzli Yaacob (selebriti dan usahawan Malaysia), Thaksin Shinawarta (bekas PM, Thailand), Bill Clinton (bekas presiden USA), Madonna (selebriti Hollywood)

Kod Asas : 3

Kekuatan:

Individu ini adalah seorang yang serba-boleh atau dalam english – "all-rounder". Idealistik, Aktif dan berpandangan jauh. Seorang yang tahu dan faham apa yang dia kehendaki. Berkebolehan untuk membezakan sesuatu yang baik atau tidak baik. Seorang yang berbakat dalam apa jua bidang yang dipilihnya. Boleh menjadi kaya dan berharta, sekiranya berusaha dengan bersungguh-sungguh. Suka berterus terang. Mudah meng'ekspresi' pandangan terhadap sesuatu perkara.

Kelemahan:

Individu ini boleh menjadi terlalu agresif, tidak penyabar dan cepat panas baran. Kebiasaannya beliau mengambil mudah sesuatu perkara dan tidak tegas (tidak munasabah). Kadang kala pula seorang yang nakal. Juga, seorang yang 'laser'. Jika tidak berhati-hati dengan kata-kata, boleh menyebabkan keretakan dalam sesuatu perhubungan.

Perkara yang perlu dipelajari:

- 1) Perlu belajar untuk melihat sesuatu dengan lebih realistik.
- 2) Cuba menghabiskan sesuatu yang telah anda mulakan.
- 3) Fikir dahulu sebelum meluahkan sesuatu

Golongan terkenal yang mempunyai nombor 3:

Anwar Ibrahim (bekas TPM) , Wayne Rooney (bintang bolasepak Manchester United), Cristiano Ronaldo (bintang bolasepak Manchester United), Robinho (bintang bolasepak Brazil dan Manchester City), Alan Alda (selebriti Hollywood), Bill Cosby (selebriti Hollywood)

Kod Asas : 4

Kekuatan:

Individu yang suka belajar, tekun bekerja, mampu bersabar dan sentiasa mempunyai perancangan. Berbakat seni dan selalu berjaya dalam peperiksaan. Seorang yang boleh dipercayai dan mudah menyesuaikan diri dengan masyarakat. Mudah bersimpati dan berkarisma. Peramah, suka mengembara dan memiliki suatu kehidupan yang sentiasa ceria. Mudah bangkit dari sesuatu kegagalan.

Kelemahan:

Tak suka meluahkan perasaan tidak puas hati dalam sesuatu perkara. Suka simpan sendiri, dan terlalu menitik beratkan perkara-perkara remeh sehingga tidak melihat secara keseluruhan sesuatu perkara. Perlu berhati-hati dalam perhubungan dan perkahwinan.

Apa yang perlu dipelajari:

- 1) Harus belajar lebih fleksibel dan mengambil kira pandangan orang lain
- 2) Bersikap dan berfikiran lebih terbuka
- 3) Berterus teranglah dalam sesuatu perkara

Golongan terkenal yang mempunyai nombor 4:

Bill Gates (individu terkaya di dunia), Alex Ferguson (pengurus Manchester United), Margaret Thatcher (bekas Perdana Menteri Britain), Arnold Schwarzenegger (bekas pelakon, sekarang adalah Gabenor California, Amerika Syarikat), Tina Turner (penyanyi), Paul Hogan (pelakon utama Crocodile Dundee)

Kod Asas : 5

Kekuatan:

Dilahirkan dengan sikap kepimpinan yang kuat. Suka mengambil risiko. Suka mencuba perkara-perkara yang baru. Berkarisma dan boleh memimpin.

Kebiasaannya memegang jawatan yang tinggi. Sangat rajin dan sentiasa focus untuk mencapai kejayaan di masa hadapan, jika dia mahu. Seorang yang realistic, tegas, sangat munasabah dan tidak suka berangan-angan. Perlukan kepelbagaian dan sentiasa teruja dalam melakukan sesuatu.

Kelemahan:

Tidak suka disekat dalam membuat sesuatu. Selalunya cerewet dalam isu-isu kecil. Kadangkala beliau memang degil dalam melakukan sesuatu. Mereka juga jarang relaks. Juga, kurang teliti dalam melakukan sesuatu.

Perkara yang patut di ubah:

- 1) Lebih relaks, tidak cerewet dalam isu-isu kecil
- 2) Melihat sesuatu dengan teliti

Golongan terkenal yang mempunyai nombor 5:

Abdullah Ahmad Badawi (Perdana Menteri Malaysia), Erra Fazira (pelakon popular), Aishwarya Rai (pelakon Bollywood), Bambang Susilo (presiden Indonesia), Soekarno (bekas presiden Indonesia), Ronaldo (bintang bolasepak Brazil), Abraham Lincoln (bekas presiden USA), Britney Spears (penyanyi di USA)

Kod Asas : 6

Kekuatan:

Ini adalah nombor untuk terus wujud atau hidup. Nombor '6' mengawal harta benda dan kekayaan. Mewakili kesenangan. Sangat bersopan tetapi mempunyai citarasa yang tinggi dalam kehidupan.

Nombor '6' akan berjaya dalam karier seperti pendidikan, kerja seni dan keagamaan. Individu ini akan menjadi popular dalam masyarakat. Beliau juga selalu mengambil berat tentang orang-orang bawahan. Suka membantu dan menjaga mereka. Sentiasa jadi pihak pendamai.

Kelemahan:

Seorang yang suka berbangga dan tidak akan mengambil kerja mudah. Tidak mendengar cakap ataupun kata-kata orang lain selain orang atasan. Melakukan sesuatu di sebabkan ada kepentingan diri.

Perkara yang harus dipelajari:

- 1) Belajar apakah yang boleh diubah dan apa yang tak boleh diubahnya
- 2) Buat sesuatu tanpa memikirkan kepentingan diri
- 3) Kurangkan sifat degil dan memerlukan ketepatan.

Golongan terkenal yang mempunyai nombor 6:

Luis Felipe Scolari (pengurus Chelsea), Rafa Benitez (pengurus Liverpool), Warren Buffett (pakar kewangan dunia), Albert Einstein (kalau tak kenal tak tau la), Jane Seymour (selebriti Hollywood), John Denver (penyanyi lagu-lagu country, USA)

Kod Asas : 7

Kekuatan:

Sangat berkemahiran dan sangat teliti apabila menguruskan sesuatu perkara. Individu ini tidak akan lupa pada sesiapa yang pernah menolongnya. Tersangat menghargai kesyukuran dan berterima kasih. Individu ini penuh dengan ghairah dan cinta. Seorang pemikir dan sukakan kedamaian dan ketenangan.

Berkebolehan dalam memutarbelit kata-katanya. Menarik perhatian ramai orang. Suka mengejarkan kemasyhuran dan tuah.

Kelemahan:

Suka berlawan cakap. Mempunyai pemikiran yang suka berubah-ubah. Mudah menukar keputusan. Bukan seorang yang tegas. Sangat suka “berahsia” yang tidak membantu imej anda secara luaran. Orang menganggap anda adalah seorang yang tidak mempunyai perasaan (cold) dan ini menyebabkan anda tidak mudah untuk menjalinkan perhubungan ataupun persahabatan. Anda boleh bertindak kejam jika berada dalam mood yang salah.

Perkara yang harus dipelajari:

- 1) Belajar untuk menerima kenyataan dunia sebenar.
- 2) Jangan hidup dalam dunia sendiri, bercampur dengan dunia luar

Golongan terkenal yang mempunyai nombor 7:

Dr. Irfan Khairi (pakar Internet Malaysia), Mawi (selebriti popular), Saddam Hussein (bekas presiden Iraq), Cesc Fabregas (bintang bolasepak Arsenal), Frank Lampard (bintang bolasepak Chelsea), John F. Kennedy (bekas presiden USA), Micheal Jackson (selebriti Hollywood)

Kod Asas : 8

Kekuatan:

Seorang yang aktif dikalangan rakan-rakannya, menjadikannya seorang yang terkenal. Sangat pendiam, konservatif dan pasif. Bertanggungjawab dan sangat bermoral. Seorang yang boleh dipercayai. Biasanya adalah penyelesaian masalah. Tidak akan mempermainkan orang lain.

Kelemahan:

Kadang-kadang kabur dalam apa dilakukannya. Individu ini perlu pintar. Disegi luaran nampak kuat tetapi sebenarnya seorang yang berhati lembut. Sangat berhati-hati dan percaya kepada perspektif diri yang kuat dan ini akan menyebabkan hilang sesuatu peluang. Juga, anda sentiasa tercari-cari dan sibuk melihat-lihat sesuatu, anda kadang-kadang tidak tahu apa yang anda cari sebenarnya. Jadi, berhati-hatilah untuk tidak membuang masa melayan perkara-perkara yang tidak bermanfaat atau tidak berfaedah.

Perkara yang harus diperbaiki:

- 1) Belajar membuat keputusan berdasarkan keperluan sendiri daripada mengikut keperluan orang lain
- 2) Jangan buang masa melayan perkara-perkara yang tak berfaedah.

Golongan terkenal yang mempunyai nombor 8:

Steven Gerrard (bintang bolasepak Liverpool), Osama bin Laden (pejuang Islam), Cindy Crawford (supermodel dan selebriti Hollywood), Barbara Streisand (selebriti Hollywood), Jane Fonda (selebriti Hollywood)

Kod Asas : 9

Kekuatan:

Sangat optimistik dan berfikiran terbuka. Suka nampak cantik. Sangat beradab. Pintar, Peka dan sensitif. Individu ini tahu bila dan bagaimana untuk menyerang dan mempertahankan diri. Bagus dalam memenangi hati orang. Berkebolehan untuk menghibur orang lain. Sebagai “penghibur”, mereka mempunyai daya tarikan dan tidak mempunyai masalah untuk berkawan dengan sesiapa pun. Melakukan kerja dengan cepat dan berkebolehan dalam kerjanya tetapi bukan dengan terperinci atau khusus. Boleh berubah dan menyesuaikan diri mengikut persekitaran

Kelemahan:

Individu ini tidak mengambil berat orang bawahan. Seorang yang emosional. Jika tidak berhati-hati, di kemudian hari individu ini tidak mempunyai ramai kawan dan akan kesepian. Memiliki personaliti yang pelbagai sehingga sukar orang sekeliling untuk memahami mereka. Boleh berubah menjadi seorang yang sangat bersemangat, teruja atau menjadi seorang yang depresi ataupun muram. Mudah berputus asa apabila bertemu halangan dalam melaksanakan sesuatu.

Perkara yang harus diperbaiki:

- 1) Belajar untuk tidak bergantung pada nasib semata-mata
- 2) Jangan mudah berputus asa bila berdepan dengan halangan
- 3) Kurangkan sifat emosional

Golongan terkenal yang mempunyai nombor 9:

Megawati Sukarno (bekas Presiden Indonesia), Suharto (bekas Presiden Indonesia), Gisele Bundchen (supermodel), Shirley MacLaine (selebriti Hollywood), Harrison Ford (selebriti Hollywood, Jimmy Carter (bekas Presiden USA), Elvis Presley (selebriti Hollywood-kini arwah)

LATIHAN #2 :
HURAIAN MENYELURUH
ANDA
DAN KELUARGA

PERATUS KETEPATAN

Macam mana?

Berapa peratus ketepatan analisa dan huraian untuk:

Anda : -----

Isteri / Suami : -----

Ibu : -----

Bapa : -----

Anak Pertama : -----

Anak Kedua : -----

Mengikut analisa-analisa yang biasanya saya dan sahabat-sahabat buat,
ketepatannya adalah antara 70% hingga 95%

APA YANG PERLU DIBUAT DI SEKARANG?

Inilah pertanyaan dan persoalan yang selalu saya hadapi.

Pada tahap ini, anda sudahpun mengetahui kekuatan, kelemahan dan potensi diri anda dan mereka di sekeliling anda.

Apa yang penting untuk anda buat sekarang:

- 1) Cetak dan masukkan huraian yang anda buat tadi dalam fail. Bila ada permasalahan yang berlaku, buka balik fail ini dan fahamilah mengapa masalah itu timbul.
- 2) Mula lakukan perubahan kepada diri anda:
 - a. Kekalkan atau tingkatkan lagi kekuatan anda,
 - b. Kurangkan kelemahan anda,
 - c. Fahami perangai isteri/suami anda,
 - d. Fahami perangai ibu/bapa anda,
 - e. Fahami perangai anak-anak anda,
 - f. Didiklah anak-anak anda mengikut rahsia yang diberikan tadi

Jika kita nak orang berubah, kita perlu berubah dahulu.

Setiap manusia mempunyai kekuatan dan kelemahan mereka masing-mereka.

Terimalah mereka seadanya. Insyaallah, hidup kita semua akan diberkati selalu.

RINGKASAN UNTUK ANDA

Supaya mudah untuk anda memahami dan mengikuti apa yang telah saya cuba rangkumkan di dalam buku ini, saya ringkaskan apa yang perlu anda lakukan dalam usaha untuk meningkatkan lagi mutu kehidupan anda

Memahami Rahsia Tarikh Lahir

Menetapkan Matlamat

Pelan dan Strategi

Aktifkan Minda

Tingkatkan Ibadat

Berusaha dan Bertawakal

Lakukannya Sekarang !

Didalam ebuku ini, anda hanya diajar utk memahami Rahsia Tarikh Lahir anda. Yang selebihnya, anda boleh dapatkan di <http://misteritarikhlahir.com>

PENUTUP

Saya telah berkongsi pengetahuan dan pengalaman yang saya miliki. Segala apa yang baik adalah dari Allah swt. Segala yang buruk adalah dari kelemahan diri saya sendiri.

Hidupkan impian anda, jangan fikir bagaimana cara nak mencapainya. Di saat impian sudah hidup ia sendiri akan mengarahkan anda kepadanya”.

Fahamilah apa yang terkandung dalam e-buku ini. Praktikkan segala apa yang telah anda pelajari. Jika tidak faham, ulangilah banyak kali, sehingga faham.

Kita dilahirkan untuk menjadi kaya. Kita dilahirkan untuk mencapai kejayaan.

Kita semua bertanggungjawab di atas apa yang kita dan keluarga kita alami dan tempuhi di dunia ini. Hanya kitalah yang boleh mengubah kehidupan kita dan keluarga kita dari apa yang ada sekarang kepada sebuah kehidupan yang lebih bermanfaat disamping mencapai satu kepuasan dalam kehidupan kita. Tidak semestinya bila kaya, kita puas. Tidak semestinya bila kita sihat wal’afiat, kita puas. Kayu pengukurnya ada pada kita.

Terpulanglah pada anda sendiri untuk meng’aplikasi’kan apa yang anda dapat dari e-buku ini ataupun melupakan terus apa yang dipelajari. Semuanya tertakluk pada diri anda. Bukan mak, ayah anda. Bukan sahabat anda. Bukan saudara mara anda. Bukan boss anda. Bukan ketua kampung anda. Bukan guru anda. Bukan saya. Sebaliknya diri anda sendiri.

Anda sendiri bertanggungjawab atas diri sendiri. Buatlah yang TERBAIK.

Gagal sebelum ini bukan bererti gagal selamanya. Jangan “give-up”. Ayuh, bangkitlah untuk mendapatkan satu kehidupan yang cemerlang dan gemilang. Ungkaikanlah rahsia tarikh lahir anda dan praktik kan strategi yang telah diberikan untuk mencapai matlamat anda.

Akhir kata, saya mendoakan kita semua akan sentiasa sihat wal’afiat untuk terus menjalani kehidupan yang bermakna disamping berusaha kuta untuk mencapai

Salam hormat dari saya.
Wassallam.

Rozzani aka Abanglong
<http://www.mytarikhlahir.com>

P/S:

Dapatkan ebuku komprehensif mengenai rahsia tarikh lahir di
<http://www.mytarikhlahir.com>

Anda akan dapat analisa huraian tarikh lahir yang lebih padat dan ‘berapi’, pekerjaan yang paling sesuai dengan anda, perniagaan yang paling sesuai dengan anda, huraian nombor kombinasi dan bonus panduan mengaplikasikan kuasa minda dan kuasa matlamat.

P/P/S:

Jumpa saya diblog motivasi saya:
<http://www.rozzani.com>

BIBLIOGRAFI

Anthony Robbins, Unlimited Power, Simon & Schuster Ltd, 1988

Azizi Ali, Millionaires Are From A Different Planet, Truewealth Sdn Bhd, 2001

Azizan Osman, Workshop Rahsia Tarikh Lahir, 2008

David Schwartz, The Magic of Thinking Big, Simon & Schuster Ltd, 1987

Dr HM Tuah Iskandar, Nak Ke Tak Nak, Karya Bestari Sdn Bhd, 2004

Mark Victor Hansen & Jack Canfield, Dare To Win, Golden Books, 1997

Mohd Salman Salleh, Mengungkap Rahsia Tarikh Lahir-Kaedah Sains Metafizik, askBatrisyia.com, 2008

Og Mandino, The Greatest Salesman In The World, Bantam Books, 1985

Razzi ArMansur, Rahsia Ajaib Untuk Berjaya, PTS Professional, 2008

Robert Kiyosaki, Rich Dad, Poor Dad, TechPress Inc, 1997

Biodata Penulis

Rozzani Baharuddin menulis buku ini berdasarkan ilmu yang dimiliki dan pengalaman praktikal yang diperolehi sewaktu mempraktikkan Rahsia Tarikh Kelahiran ini. Kini bergelar seorang usahawan, beliau memiliki beberapa perniagaan yang berjaya dan tentunya dipilih berdasarkan Rahsia Tarikh Kelahiran.

Memiliki ijazah dari universiti di Amerika Syarikat, beliau mempunyai jumlah pengalaman bekerja melebihi 15 tahun di syarikat multi-nasional, syarikat GLC, syarikat senaraian awam dan syarikat persendirian.

Kini, beliau menumpukan perhatian didalam bidang motivasi dan peningkatan diri, yang juga adalah salah satu cabang perniagaan yang paling sesuai dengan dirinya.